

## Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang usaha-usaha menghargai jasa veteran tentera dan sebab-sebab veteran tentera perlu diberikan penghargaan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sejak sekian lama, negara kita telah menikmati keamanan yang berterusan kerana jasa yang tidak ternilai oleh para perajurit negara. Setelah bersara daripada perkhidmatan kerajaan dan bergelar veteran tentera, golongan ini tidak wajar dilupakan begitu sahaja. Sehubungan dengan itu, Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia (1MVRP) telah dirasmikan oleh Perdana Menteri pada 15 Disember 2012 di Kuala Kangsar, Perak untuk memberikan sokongan yang lebih menyeluruh dalam meningkatkan taraf sosioekonomi veteran tentera.

Kita tidak dapat menafikan bahawa terdapat veteran tentera yang masih tinggal di rumah yang kurang sempurna. Oleh itu, kerajaan berusaha menyediakan rumah yang lebih selesa pada kos yang rendah untuk veteran tentera. Projek ini telah dimulakan pada tahun 2012 dengan membina sebanyak 49 buah rumah. Kini veteran tentera yang tinggal di kawasan luar bandar dapat menikmati keselesaan tinggal di rumah sendiri dengan keadaan persekitaran yang lebih baik. Dalam memastikan veteran tentera tidak ketinggalan dalam arus kemajuan semasa, 31 kem tentera telah dijadikan sebagai pusat sehenti veteran tentera yang tinggal di kawasan luar bandar. Di pusat ini, mereka boleh mendapatkan khidmat nasihat, pelbagai kemudahan sosial dan memupuk hubungan yang lebih erat dengan pegawai Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV). Seterusnya, kerajaan juga bersedia memenuhi keperluan kebajikan keluarga veteran tentera supaya kehidupan mereka lebih terjamin.

Kebanyakan veteran tentera mempunyai kemahiran dan kepakaran yang berharga kepada organisasi korporat. Oleh hal yang demikian JHEV telah memperkenalkan program penempatan kerja untuk veteran tentera dalam sektor swasta. Natijahnya, melalui kerjasama dengan sektor korporat, JHEV sudah berjaya menempatkan sebanyak 1,354 orang veteran tentera untuk berkhidmat dalam sektor swasta dan korporat. Suatu hal yang menarik lagi, lebih 90 peratus veteran tentera berminat untuk menjadi usahawan. Bagi merealisasikan cita-cita mereka, para veteran tentera diberi bantuan kewangan dan khidmat nasihat untuk memulakan perniagaan seperti peruncitan, makanan dan minuman. Manakala untuk mendapatkan kemahiran yang lebih tinggi veteran tentera dipelawa mengikuti pelbagai latihan dan kursus yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). JHEV juga telah menyediakan sesi taklimat mengenai Azam Niaga yang diadakan di seluruh Malaysia untuk membantu veteran tentera yang telah menceburи bidang perniagaan mengembangkan perniagaan mereka.

Sebagai golongan yang berjasa, veteran tentera juga dibekalkan dengan Kad Bekas Tentera (KBT). Seramai 117,051 pemegang KBT telah dapat menikmati keistimewaan dan diskauan yang ditawarkan melalui program ini. Diharapkan dengan adanya semua inisiatif ini veteran tentera bukan sahaja dapat berdikari malah dapat meningkatkan kedudukan moral mereka dengan lebih ketara. Kita sewajarnya terus menyokong transformasi dalam kehidupan veteran tentera dan keluarga mereka sejajar dengan pelan pembangunan negara yang dibentuk untuk rakyat negara ini.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
'Mengenang Pengorbanan Wira Negara'  
oleh Mejar Jeneral Datuk Zulkifle Mazlan dan Laksamana Tan Sri Ilyas Din (B)  
Berita Harian, 29 Julai 2013)

**Soalan 2 : Pemahaman****Soalan 2 (a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menikmati keistimewaan*. [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa harapan terhadap veteran tentera.  
Nyatakan **dua** harapan. [3 markah]
- (iii) Nyatakan pendapat anda tentang cara-cara untuk menarik golongan remaja menyertai angkatan tentera. [4 markah]

**[Lihat halaman sebelah]**

**Soalan 2(b) - Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- Romli : Itu betul, Pak Sudin. Tapi kita tak tahu akan jadi sampai begini. Kuda-kuda itu membawa penyakit.  
Pak Sudin : Kita nak buat apa sekarang?  
Kamar : Kita pergi jumpa tuan Dollah. Kita ceritakan perkara yang sedang berlaku.  
Pak Sudin : Nak cerita apa?  
Leman : Kita katalah, sebelum dia datang dengan kuda-kudanya, air sungai bukan begini. Ikan banyak, udang banyak. Sekarang tengok apa dah jadi?  
Romli : Kuda-kuda dia mandi, meloncat-loncat, entah apa-apa lagi yang dibuatnya di dalam sungai tu.  
Kamar : Anak-anak kita sakit, isteri kita sakit. Kita pun tak sedap badan. Apa nak jadi ha?  
Leman : Penyakit yang bukan-bukan pula tu. Tengok apa jadi dekat anak aku? Anak Romli, anak Sudin? Mata budak tu tertangcup langsung. Ada yang lumpuh, yang pekak, yang tolol. Dulu mana pernah jadi semua ni? Lama-lama nanti apa jadi pada masyarakat kita?  
Pak Sudin : Siapa kata semua ni kerana kuda-kuda Tuan Dollah?  
Romli : Mengapa dulu tak begini?

(Dipetik daripada

drama '1400'

oleh Noordin Hassan

dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,

Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak di kampung tersebut. [2 markah]
- (ii) Jelaskan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk mencegah penyakit berjangkit merebak dalam kalangan masyarakat. [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran dalam petikan drama di atas dan **satu** pengajaran lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

**[Lihat halaman sebelah**

**SULIT****Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah itu diberinya pula Awang Sulung sebilah parang, disuruhnya mencari kayu. Orang mengambil kayu bakau dan temu laut, tetapi Awang Sulung mengambil batang nipah.

“*Apa gunanya menyimpan* budak hitam ini? Disuruh mengambil air diambilnya air masin, disuruh mengambil kayu diambilnya batang nipah ...,” bebel jurumudi itu di depan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa.

Waktu diadakan kenduri, jurumudi menyuruh Si Kembang Cina memberikan sisa-sisa nasi di dalam tempurung berbulu untuk Awang Sulung. Sedang Si Kembang Cina membuat kerja itu terpandanglah oleh Tuan Puteri Dayang Seri Jawa lalu dimarahinya. “Mengapa kau buat begini, hai perempuan celaka? Bapa engkau atau laki engkaukah si jurumudi bedebah itu?”

Kemudian disuruhnya Si Kembang Cina menyediakan hidangan istimewa untuk Awang Sulung dengan talamnya beralaskan kain kuning.

“Sudah itu bawa buyung suasa berisi air masin itu ke mari,” perintahnya lagi.

Tuan Puteri Dayang Seri Jawa merasa air masin di dalam buyung itu sudah bertukar menjadi manis bagi serbat, lalu disuruhnya pula Si Kembang Cina merasanya. Si Kembang Cina merasa takjub. Bagaimanakah air masin boleh bertukar menjadi serbat?

“Lain kali ingat sedikit perbuatanmu itu!” kata Tuan Puteri Dayang Seri Jawa sambil menunjal muka Si Kembang Cina.

(Dipetik daripada

‘Pelayaran yang Penuh Peristiwa’  
dalam antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *apa gunanya menyimpan* [2 markah]
- (ii) Setelah melihat Si Kembang Cina mengerjakan suruhan jurumudi, nyatakan tindakan-tindakan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa terhadap Si Kembang Cina. [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Si Kembang Cina, apakah yang wajar anda lakukan apabila disuruh oleh jurumudi menyediakan hidangan sisa-sisa nasi di dalam tempurung berbulu untuk Awang Sulung?  
Kemukakan **dua** pendapat anda. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah]

**Soalan 2(d) – Puisi Tradisional**

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Gurindam Tonggak Dua Belas**

Mohd Sidek Mohd Dollah (Mas Adeki) (penyelenggara)

Hendak pandai menghargai masa,  
Jangan dinanti esok lusa.

Ketekunan akan membawa kejayaan,  
Kegigihan bekerja dengan keupayaan.

Wajah ceria keseronokan bekerja,  
Usah berduka bermuram durja.

Hidup dalam kemuliaan kesederhanaan,  
Bertindak dengan penuh kebijaksanaan.

Ketinggian peribadi jadi amalan,  
Ketelusan hati jadi bekalan.

Kekuatan sifat baik hati,  
Bertimbang rasa dan bersimpati.

Pengaruh kepimpinan melalui teladan,  
Baik buruk jadikan sempadan.

Menjadi kewajipan menjalan tugas,  
Walaupun sederhana tetapi tegas.

Kebijaksanaan berhemat perlu diutama,  
Tidak membazir teliti saksama.

Keutamaan kesabaran fikiran tenang,  
*Perkara susah menjadi senang.*

Peningkatan bakat diberi sokongan,  
Tunjukkan kebolehan jadikan dorongan.

Nikmat mencipta budaya kreatif,  
Kembangkan bakat semoga aktif.

**Seuntai Kasih Secebis Harapan, 2007**

Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

[Lihat halaman sebelah]

**SULIT**

- (i) Berikan maksud *perkara susah menjadi senang*. [2 markah]
- (ii) *Jangan dinanti esok lusa* pada rangkap 1 baris kedua membawa maksud kita dilarang menangguh-nangguhkan kerja yang diberikan. Pada pendapat anda, mengapakah kita dilarang menangguh-nangguhkan pekerjaan yang telah diamanahkan kepada kita? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** nilai murni yang terdapat dalam rangkap 4, 5 dan 6 gurindam di atas. [4 markah]

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[ 30 markah ]

**Jawab semua soalan.**

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.
- (i) kelihatan
  - (ii) penglihatan
  - (iii) kekurangan
  - (iv) pengurangan
  - (v) kepanasan
  - (vi) pemanasan
- [6 markah]
- (b) Tukarkan ayat bersusunan biasa di bawah kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.
- (i) Mereka diminta menyusun kerusi sebelum acara sukan bermula di padang sekolah.
  - (ii) Encik Hashim telah membeli rumah banglo di Cameron Highlands dengan duit titik peluhnya sendiri.
  - (iii) Gadis dari Brunei Darussalam itu diperisteri oleh Encik Halim sebulan yang lalu.
- [6 markah]

**[Lihat halaman sebelah**

- (c) Dalam petikan di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Semua anggota keluarga, jiran tetangga dan masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing dalam kontek memupuk penghidupan berkeluarga yang sihat dan masyarakat yang dinamik untuk bina negara yang maju. Semua pihak haruslah bertanggung jawab untuk membimbing keluarga ke arah kesejahteraan. Tambahan pula, kedudukan istemewa sebagai ibu bapa membolehkan mereka memain peranan yang lebih berkesan dalam menangani gejala yang tidak diingini.

[6 markah]

- (d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Jabatan Meteorologi telah mengenal pasti antara sebab-sebab berlakunya kejadian tanah runtuhan ialah hujan kuat yang berpanjangan.
- (ii) Pemberian bantuan dan beberapa intensif untuk membantu para penjawat awam telah kerajaan putuskan pada hari ini.
- (iii) Setelah dibicarakan ke mahkamah pada petang tadi, orang yang kena tuduh telah ditemui bersalah dan dihukum penjarा selama setahun.

[6 markah]

- (e) Baca maksud peribahasa di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud peribahasa tersebut.

- i) Mengerjakan sesuatu yang sukar hendaklah sabar sehingga mencapai kejayaan.
- ii) Menyesuaikan diri dengan budaya dan peraturan di sesuatu tempat.
- iii) Berjaga-jaga sebelum mendapat sesuatu bencana

[Lihat halaman sebelah]

**Soalan 4: Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) PAPA ... (akhirnya kau tewas ju!) karya Deana Yusuf
- (ii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (iii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Interlok karya Abdullah Hussain
- (vi) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (vii) Kembara Amira karya Amer Hmzah L. Kadir
- (viii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid

(a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, jelaskan bagaimakah watak sampingan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh watak utama?

[7 markah]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, jelaskan **satu persoalan** daripada **setiap** novel tersebut.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**